



**AHAD, 21 FEBRUARI 2021  
1.00 PETANG**

### **HEBAHAN TERKINI**

Universiti Sains Malaysia (USM) mengambil maklum kenyataan terkini oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berhubung kebenaran untuk **enam (6) kategori pelajar berkeperluan** kembali ke kampus secara fizikal seawal 1 Mac 2021 bagi mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara hibrid iaitu secara fizikal/bersemuka dan secara dalam talian. Enam kategori pelajar yang dibenarkan pulang ke kampus seawal 1 Mac 2021 adalah seperti berikut:

- I. Pelajar dari program pengajian peringkat Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Pasca Siswazah yang memerlukan praktikal, makmal, klinikal, latih amal, studio, bengkel dan peralatan khas;
- II. Pelajar yang tidak mempunyai akses dan persekitaran tidak kondusif bagi melaksanakan PdP dalam talian;
- III. Pelajar Asasi atau Setara dan Diploma yang sedia ada di kampus boleh meneruskan pembelajaran secara hibrid;
- IV. Semua pelajar antarabangsa sedia ada dan baharu kecuali dari United Kingdom;
- V. Pelajar Berkeperluan Khas (OKU); dan
- VI. Pelajar yang menduduki peperiksaan *Malaysia University English Test* (MUET), antarabangsa dan badan profesional.

Sehubungan dengan itu, USM turut mengambil inisiatif bagi menyokong hasrat berkenaan dan ingin memaklumkan keputusan Universiti berhubung beberapa perkara seperti di bawah:

#### **1. KEMASUKAN PELAJAR SECARA BERPERINGKAT BERMULA 4 MAC 2021**

1.1 Universiti Sains Malaysia (USM) membenarkan pelajar pulang ke kampus mengikut enam kategori yang dinyatakan bagi **semester dua** sidang akademik 2020/2021 yang akan bermula pada **22 Mac 2021**.

1.2 Pun begitu, kemasukan pelajar adalah tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan iaitu:

- ✓ **Mengisi borang A** (Kebenaran khas kembali ke kampus) dan mengisi borang **Deklarasi Saringan Risiko COVID-19** yang boleh dicapai melalui portal pelajar iaitu <https://campusonline.usm.my>

1.3 Untuk kategori I, Pusat Pengajian/Pusat Kecemerlangan telah mengenalpasti kursus-kursus yang memerlukan sesi bersemuka. Sila hubungi Pusat Pengajian/Pusat Kecemerlangan masing-masing untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai pelaksanaan kursus secara bersemuka.

1.4 Kemasukan pelajar ke kampus akan dilakukan secara berperingkat mengikut jadual seperti di bawah:

PERINGKAT KEMASUKAN	TARIKH PERMULAAN SESI PEMBELAJARAN	TARIKH KEMASUKAN UNTUK ISOLASI
Sesi Pertama	22 Mac 2021	4-12 Mac 2021
Sesi Kedua	5 April 2021	21-23 Mac 2021
Sesi Ketiga	13/19 April 2021	31 Mac 2021

- **Tarikh permulaan sesi pembelajaran** merujuk kepada tarikh yang ditetapkan oleh pusat pengajian supaya pelajar berada di kampus untuk pembelajaran bersemuka.
- **Tarikh kemasukan untuk isolasi** merujuk kepada tarikh pelajar perlu sampai ke kampus bagi memulakan tempoh pengawasan selama 10 hari.

1.5 Maklumat lanjut berkenaan kemasukan akan dihebahkan dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

1.6 Untuk kategori II, sila guna Borang A dan mendapat kelulusan Dekan/Pengarah.

1.7 Surat kebenaran rentas negeri akan dikeluarkan oleh pihak Universiti kepada pelajar yang tergolong dalam keenam-enam kategori tersebut di atas yang menetap di luar Pulau Pinang yang akan datang ke kampus untuk menyambung pengajian bagi semester 2 nanti (tertakluk kepada keperluan pada masa tersebut).

## **2. PENGAMBILAN BARANGAN PERIBADI DI DESASISWA BAGI PELAJAR YANG TIDAK BERKEPERLUAN UNTUK KEMBALI KE KAMPUS BAGI SEMESTER DUA**

2.1 Para pelajar yang tidak berkeperluan untuk kembali ke kampus bagi semester dua yang masih mempunyai barang-barang peribadi di bilik desasiswa, diminta untuk mengambil balik barangan dan mengosongkan bilik desasiswa pada **27 dan 28 Februari 2021**.

2.2 Pelajar yang menghadapi kesulitan untuk mengosongkan bilik boleh menghubungi pihak desasiswa masing-masing untuk memberi keizinan kepada pihak desasiswa bagi membantu mereka memasukkan barang-barang peribadi di dalam stor desasiswa, tanpa dikenakan sebarang caj/bayaran.

2.3 Surat kebenaran rentas negeri akan dikeluarkan oleh pihak Universiti kepada pelajar yang menetap di luar Pulau Pinang yang perlu datang ke kampus untuk mengambil balik barangan mereka dari desasiswa (tertakluk kepada sama ada perlu atau tidak kebenaran rentas negeri pada masa tersebut).

2.4 Pelajar yang datang ke kampus perlu menaiki kenderaan sendiri. Mohon supaya pelajar tidak menaiki kenderaan awam untuk meminimumkan risiko pendedahan kepada wabak COVID-19.

2.5 Pelajar yang datang ke kampus untuk mengambil balik barang tidak dibenarkan untuk menginap di desasiswa. Setibanya di kampus, pelajar perlu terus ke desasiswa untuk mengemas dan memunggah masuk barang ke dalam kenderaan sendiri, dan kemudian terus meninggalkan kampus. Wakil pihak desasiswa akan 'standby' untuk membantu mana-mana pelajar yang memerlukan bantuan.

### **3. PENGECUALIAN YURAN SEWAAN DESASISWA KEPADA PELAJAR TANPA ASRAMA (PETAS) YANG BERKEPERLUAN YANG PERLU TINGGAL DI DALAM DESASISWA**

3.1 Universiti juga prihatin dan sedar terdapat pelajar tanpa asrama (PETAS) yang berkeperluan yang perlu tinggal di dalam desasiswa untuk semester 2, dan pada masa yang sama telah mempunyai komitmen sewaan rumah di luar kampus.

3.2 Bagi golongan ini, pihak Universiti akan memberi pengecualian yuran sewaan desasiswa di sepanjang tempoh penginapan mereka di dalam kampus, dengan syarat mereka **perlu menunjukkan bukti kontrak/perjanjian sewaan yang sah rumah/pangsapuri/rumah pangsa** tersebut. Diharapkan ini dapat sedikit sebanyak membantu meringankan beban pelajar yang terkesan.

### **4. PERINGATAN**

Ketika berada dalam kampus, pelajar adalah tertakluk kepada sebarang keputusan semasa pihak Universiti. Jika sekiranya Universiti mengambil langkah menghadkan akses keluar-masuk (kawalan pergerakan keluar-masuk kampus), pelajar perlu mematuhiya bagi menyokong usaha Universiti mengawal risiko dan memastikan kampus bebas dari sebarang kes-kes berkaitan COVID-19.

Amalan bersopan-santun adalah sangat digalakkan. Sebarang tingkah laku tidak bertanggungjawab **perlu dielakkan** sama sekali terhadap petugas barisan hadapan Universiti yang bertungkus-lumus memastikan tahap keselamatan warga kampus sentiasa dalam keadaan terbaik.

Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, semua pelajar digesa untuk sentiasa mengamalkan kawalan sendiri termasuk penjarakan fizikal, memakai pelitup muka, kerap mencuci tangan dengan air dan sabun atau *hand sanitizer* di samping penjagaan kesihatan bagi mengelakkan diri dari dijangkiti penyakit.

Sekiranya mengalami gejala COVID-19, pelajar hendaklah segera mendapatkan rawatan dari fasiliti kesihatan yang berdekatan. Rawatan awal dapat mengurangkan risiko penyakit menjadi lebih kritikal.

USM sentiasa berusaha untuk mengekalkan kesemua kampusnya sebagai zon bebas COVID-19 ("green bubble") demi keselamatan dan kesejahteraan seluruh warganya.

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi talian hotline Bilik Gerakan USM seperti di bawah:

- 1) Kampus Induk :- 04-6532267 / 04-6536124 (Nerve Centre)
- 2) Kampus Kesihatan :- 09-7671306
- 3) Kampus Kejuruteraan :- 04-5995530/5531/5532/5533
- 4) Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) :- 04-5622999

Email :- [nerve\\_centre\\_usm@usm.my](mailto:nerve_centre_usm@usm.my)

**PROFESOR DR. MD ROSLAN HASHIM**

Pengerusi Nerve Centre COVID-19 USM

Merangkap

Timbalan Naib Canselor Kelestarian dan Pembangunan Institusi

Universiti Sains Malaysia

21 FEBRUARI 2021